



14 April 2015
14 April 2015
P.U. (A) 78

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PELESENAN) 2015

POSTAL SERVICES (LICENSING) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PELESENAN) 2015

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN

3. Permohonan bagi lesen
4. Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan lesen
5. Pembaharuan lesen
6. Penggantian lesen
7. Serah hak atau pindah hak milik lesen

BAHAGIAN III

TEMPOH DAN SYARAT LESEN

8. Tempoh lesen
9. Syarat standard lesen

BAHAGIAN IV

FI DAN REBAT

10. Fi
11. Rebat

BAHAGIAN V
PENGANTUNGAN OPERASI

Peraturan

12. Pengantungan operasi oleh pemegang lesen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PELESENAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 100(a) dan (h) Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “perkhidmatan kurier” ertinya perkhidmatan pos yang disediakan dengan cara yang cepat dengan perkhidmatan jejak dan kesan.

BAHAGIAN II

LESEN

Permohonan bagi lesen

3. (1) Permohonan bagi—

(a) suatu lesen perkhidmatan sejagat; atau

(b) suatu lesen perkhidmatan bukan sejagat bagi—

(i) lesen A untuk menyediakan perkhidmatan kurier masuk dan keluar antarabangsa dan perkhidmatan kurier domestik di Malaysia;

- (ii) lesen B untuk menyediakan perkhidmatan kurier masuk antarabangsa dan perkhidmatan kurier domestik di Malaysia; atau
- (iii) lesen C untuk menyediakan perkhidmatan kurier antara negeri di dalam Malaysia,

hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan disertakan dengan fi permohonan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengemukakan permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) kepada Menteri untuk kelulusannya.

(3) Bagi maksud menentukan perkhidmatan antara negeri dalam subperenggan (1)(b)(iii), Negeri dan Wilayah Persekutuan yang berikut dianggap sebagai satu negeri:

- (a) Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (b) Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan lesen

4. Permohonan bagi lesen di bawah subperaturan 3(1) hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen yang berikut:

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) suatu akuan berkanun oleh ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemohon yang menyatakan bahawa kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama telah dipenuhi;